



SOALAN LAZIM PROGRAM SAVE 3.0: UMUM

1. Apa itu program SAVE 3.0?

Sebuah program yang memberikan e- Rebat sehingga RM400 (RM200 untuk Kategori 1 dan RM50/RM100/RM200 untuk Kategori 2) kepada isi rumah yang membeli peralatan elektrik cekap tenaga berlabel 4 atau 5 bintang oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).

Kategori 1 : Peti sejuk atau Penyaman udara; dan

Kategori 2 : Televisyen atau Mesin basuh atau Ketuhar gelombang mikro atau Periuk nasi.

2. Apakah hasil dan kejayaan program SAVE2.0?

Program SAVE2.0 mencatat kejayaan melalui :

- 134,000 e-rebat telah ditebus; dan
- Penjimatan sehingga RM26.8 juta

3. Apakah objektif Program SAVE3.0?

Objektif program SAVE3.0 ini adalah :

- Meningkatkan jumlah bilangan kelengkapan elektrik cekap tenaga bertaraf lima (5) dan empat (4) bintang di pasaran;
- Meningkatkan kesedaran orang ramai agar membeli kelengkapan cekap tenaga yang akan mengurangkan kos penjanaan tenaga melalui penjimatan tenaga; dan

- Menyelamatkan alam sekitar dengan pengurangan pelepasan gas rumah kaca hasil dari pengurangan penjana tenaga.

4. Apakah kriteria yang melayakkan saya untuk menyertai program SAVE 3.0?

Untuk menyertai program SAVE 3.0 ini, anda mestilah:

- Warganegara Malaysia;
- Pengguna/pemilik akaun elektrik berdaftar (domestik) di syarikat utiliti elektrik seperti TNB, Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB), Sarawak Energy Berhad (SEB) dan Nur Power Sdn. Bhd;
- Menggunakan e- rebat bagi pembelian peralatan 4 atau 5 Bintang Cekap Tenaga pada tahun 2022;
- Penebusan bagi dua Kategori:
 - Kategori 1 – Peti sejuk atau Penyaman udara; dan
 - Kategori 2 – Televisyen atau Mesin basuh atau Ketuhar gelombang mikro atau Periuk nasi.
- 1 akaun bil elektrik hanya layak memohon 1 e-rebat bagi setiap kategori & *first come, first served basis*; dan
- Penerima e-rebat bagi Program SAVE 2.0 tidak layak untuk memohon bagi Kategori 1 Program SAVE 3.0.

REGISTERED ELECTRICAL ACCOUNT (DOMESTIC) USER	SAVE 2.0 (2021)	SAVE 3.0 CATEGORY 1	SAVE 3.0 CATEGORY 2
Electrical Appliance	air-conditioning unit OR refrigerator	air-conditioning unit OR refrigerator	television OR washing machine OR microwave OR rice cooker
USER A	Claimed SAVE 2.0 e-Rebate in 2021	x	/
USER B	Unclaimed SAVE 2.0 e-Rebate in 2021	/	/
USER C	Unclaimed SAVE 2.0 e-Rebate in 2021	Claimed SAVE 3.0 e-Rebate in early 2022	/ <small>(still can claim for Category 2 anytime in 2022)</small>
USER D	Unclaimed SAVE 2.0 e-Rebate in 2021	/ <small>(still can claim for Category 1 anytime in 2022)</small>	Claimed SAVE 3.0 e-Rebate in early 2022

5. Berapa jumlah e-Rebat yang saya nikmati jika saya menyertai program SAVE 3.0?

Setiap isi rumah layak untuk mendapat e-Rebat sehingga RM 400 (RM 200 untuk Kategori 1 dan RM50/RM100/RM200 untuk Kategori 2) dengan pembelian peralatan elektrik cekap tenaga yang berlabel 4 atau 5 bintang. Sila rujuk syarat kriteria di **Soalan 4** bagi maklumat yang lebih lanjut.

6. Apakah barangan elektrik yang boleh dibeli untuk melayakkan saya untuk mendapat e-Rebat di bawah program SAVE 3.0?

Anda layak untuk mendapat e-Rebat sekiranya anda membeli peralatan elektrik cekap tenaga berlabel 4 & 5 bintang (senarai jenama dan model peralatan tersebut adalah terdapat di laman sesawang SEDA Malaysia).

7. Bagaimanakah cara untuk memohon e-Rebat di bawah program SAVE 3.0?

Terdapat 2 kaedah tersedia untuk pengguna iaitu:

- Kaedah 1: Pembelian dan Penebusan di **Kedai atau Pasar Raya Berdaftar**;

The infographic is titled "PURCHASE E-REBATE SAVE 3.0" and is set against a blue background with a large white arrow pointing right. It is divided into three main sections: CONSUMER, APPLICATION E-REBATE, and PURCHASE ELECTRICAL APPLIANCES. The CONSUMER section shows icons of a person, a shopping cart, and a bill. The APPLICATION E-REBATE section shows a storefront icon with a lightning bolt. The PURCHASE ELECTRICAL APPLIANCES section shows icons of various appliances like a washing machine, TV, microwave, and refrigerator, some with star ratings. Logos for SEDA Malaysia and SAVE 3.0 are in the top left. The website www.saveenergy.gov.my is at the bottom.

PURCHASE E-REBATE SAVE 3.0

CONSUMER

- Purchase electrical appliances directly through registered retailers under SAVE 3.0 programme. (Visit www.saveenergy.gov.my/publics/retailer for more details)
- Bring along electrical bills and NRIC.

APPLICATION E-REBATE

Retailers will assist to check eligibility based on electricity bill and apply the e-rebate on behalf of consumers.


PURCHASE ELECTRICAL APPLIANCES

- Eligibility only for electrical appliance 4 & 5 star rating energy consumption.
- Grants discounts up to RM400 e-Rebate (RM200 for Category 1 and RM50/RM100/RM200 for Category 2)

www.saveenergy.gov.my


- Kaedah 2 : Pembelian Secara atas talian (e-dagang).

NEW MECHANISM AT SHOPEE MALAYSIA



STEP 1

Browse the collection below or search for products with the "SAVE 2.0" tag




STEP 2

Chat with the seller who will help apply for SAVE voucher for you



STEP 3

Once approved, the seller will share a voucher code with you



STEP 4

Upon checkout, click on "Shop vouchers" and input your unique voucher code to save RM200!

Pembelian dalam talian melalui platform Shopee.

NEW MECHANISM AT LAZADA MALAYSIA



STEP 1

Browse and select the items within this page



STEP 2

Chat with the seller to initiate SAVE voucher application



STEP 3

Click (Send Product) & send "I Want Save 2.0 Voucher"



STEP 4

Provide details as requested and a voucher link will be shared to you once approved



STEP 5

Click the voucher link, checkout and save RM200!

Pembelian dalam talian melalui platform Lazada.

8. Bagaimanakah cara untuk saya mendapat maklumat yang lebih lanjut tentang SAVE 3.0?

Anda boleh melayari laman web *microsite* khas bagi SAVE 3.0 di www.seda.gov.my/saveprogram/

9. Bagaimanakah cara untuk saya mendaftar SAVE 3.0 sekiranya saya ingin membuat pembelian secara atas talian?

Anda boleh melayari www.seda.gov.my/saveprogram/ , pilih senarai e-dagang dan hanya klik pada logo e-dagang pilihan anda.

10. Bagaimanakah saya ingin melihat senarai kedai / pasar raya yang berdaftar di bawah program SAVE 3.0?

Anda boleh melayari <https://save.seda.gov.my/publics/retailer> untuk melihat senarai kedai / pasar raya berdaftar di bawah program SAVE 3.0.

11. Berapakah maksimum isi rumah berkelayakan untuk program SAVE 3.0?

Kelayakan maksimum adalah berdasarkan 1 akaun bil elektrik, 1 e-Rebat untuk setiap kategori melainkan anda telah menebus kategori 1 semasa Program SAVE 2.0. Sila rujuk **Soalan 4** untuk mengetahui maklumat lanjut.

12. Adakah program ini mempunyai kuota?

Ya. Program ini berdasarkan konsep *first come, first served basis*.

13. Apakah maklumat dan dokumen yang diperlukan untuk permohonan SAVE 3.0?

Pembeli hanya perlu mempunyai **no. akaun bil elektrik domestik yang sah**. Sila rujuk soalan **4 dan 7** untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai cara permohonan SAVE 3.0.

14. Apakah faedah daripada Program SAVE 2.0?

- Memberikan faedah penjimatan kos pembelian peralatan elektrik;
- Memberikan kesedaran kepada masyarakat awam mengenai kepentingan pengurusan dan kecekapan tenaga khususnya pelabelan peralatan elektrik yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga (ST); dan
- Menyokong aspirasi Kerajaan dalam proses penggalakan inisiatif penjimatan dan kecekapan tenaga, rendah karbon, dan tenaga lestari secara tidak langsung membantu Malaysia mencapai sasaran pengurangan karbon.

15. Bolehkah penyewa rumah memohon e-Rebat RM200?

Boleh. Walau bagaimanapun, tuan/puan perlu memaklumkan perkara ini kepada pemilik rumah sewa dan mendapatkan kebenaran terlebih dahulu sebelum membuat permohonan.

16. Bolehkah pemilikan e-Rebat dipindahkan atau ditukar?

Pemilikan e-Rebat **TIDAK BOLEH** dipindahkan atau ditukar.

17. Bagaimanakah untuk melihat keputusan permohonan e-Rebat RM200?

Anda boleh melayari www.save.seda.gov.my/publics/check untuk menyemak status permohonan anda.

18. Sekiranya saya berminat untuk membuat pembelian melalui Pkedai / Peruncit Peralatan Elektrik berdaftar, bolehkah saya membawa bil elektrik di dalam bentuk salinan digital (*soft copy*) sahaja?

Boleh, walau bagaimanapun tuan/puan disarankan untuk membawa kad pengenalan & bil elektrik dalam bentuk salinan bercetak (*hard copy*) untuk memudahkan proses pengesahan akaun elektrik tuan/puan.

19. Jika saya telah memohon e-Rebat melalui e-dagang tetapi saya sekarang ingin memohon dan menebus e-Rebat melalui Pekedai/Peruncit, adakah ini dibenarkan?

Sekiranya tuan/puan telah pun membuat permohonan dan **telah menerima e-Rebat melalui e-dagang**, tuan/puan hendaklah membuat penebusan menerusi e-dagang tersebut sahaja.

Sekiranya tuan/puan **belum menerima e-Rebat melalui e-dagang**, tuan/puan boleh terus berkunjung ke Pekedai/Peruncit Peralatan Elektrik yang berdaftar dengan SEDA Malaysia untuk menebus e-Rebat dan membuat pembelian.

20. Saya berminat untuk menyertai Program SAVE 3.0 dan mendapatkan e-Rebat tetapi saya tidak dapat membuat pembelian melalui e-dagang kerana tiada pilihan penghantaran (*delivery*) untuk kawasan di Sabah dan Sarawak. Apakah jalan penyelesaian untuk saya?

Program SAVE 3.0 merangkumi kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah, dan juga Sarawak. Penghantaran untuk kawasan di Sabah dan Sarawak adalah bergantung kepada pekedai e-dagang tersebut.

Walaupun bagaimanapun, **terdapat 55 Pekedai/Peruncit Peralatan Elektrik yang berdaftar dengan SEDA Malaysia di Sabah dan 81 di Sarawak**. Senarai kedai berdaftar ini akan bertambah dari masa ke semasa.

Sila rujuk laman sesawang SEDA Malaysia, <https://save.seda.gov.my/publics/retailer> untuk senarai Pekedai/Peruncit berdaftar.

21. Sekiranya saya mengalami masalah, bagaimanakah cara saya untuk menghubungi pegawai bagi program SAVE 3.0

Anda boleh menghubungi pegawai tersedia kami di SEDA Malaysia seperti berikut:

Pasukan Khas Program SAVE 3.0
Bahagian Pembangunan dan Fasilitasi Teknikal
SEDA Malaysia
03-8870 5800
saveenergy@seda.gov.my
www.saveenergy.gov.my